

PANAFLEX PAIN RELIEF PATCH

Glycol Salicylate/L-Menthol/DL-Camphor/DL- α -Tocopherol Acetate/DL- α -Tocopherol Acetate (1.5% w/w / 1.0% w/w / 0.5% w/w / 0.3% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panaflex Pain Relief Patch
2. Bagaimana Panaflex Pain Relief Patch berfungsi
3. Sebelum menggunakan Panaflex Pain Relief Patch
4. Cara menggunakan Panaflex Pain Relief Patch
5. Semasa menggunakan Panaflex Pain Relief Patch
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Panaflex Pain Relief Patch
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Panaflex Pain Relief Patch

Memberi kelegaan sakit otot dan sendi pada bahagian-bahagian badan seperti bahu, leher, pinggang, siku dan lutut. Panaflex Pain Relief Patch adalah untuk kegunaan luaran iaitu pada permukaan kulit sahaja.

Bagaimana Panaflex Pain Relief Patch berfungsi

- Menembusi lapisan kulit untuk memberikan kelegaan.
- Melegakan kesakitan belakang, leher dan otot.
- Memberi kesan penyejukan segera.

Sebelum menggunakan Panaflex Pain Relief Patch

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Panaflex Pain Relief Patch

- pada bayi yang berumur di bawah 2 tahun.
- pada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, kecuali jika diarahkan oleh ahli profesional kesihatan. Sawan boleh berlaku jika digunakan pada kanak-kanak yang pernah mengalami sawan.
- jika anda mempunyai hipersensitiviti terhadap *glycol salicylate*, mentol, *camphor*, *tocopherol acetate* (Vitamin E) atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

- jika anda mempunyai alahan terhadap acetylsalicylic acid atau ubat-ubatan anti-radang tanpa steroid. Jika anda tidak pasti akan ubat-ubat ini atau jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Sebelum menggunakan Panaflex Pain Relief Patch

Panaflex Pain Relief Patch adalah tidak digalakkan untuk digunakan pada wanita mengandung atau yang menyusukan susu badan kepada anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak dengan susu badan sebelum menggunakan produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat yang digunakan untuk mencegah pembekuan darah ("ubat cair darah" dan antikoagulan) kerana penggunaan bersama Panaflex Pain Relief Patch boleh meningkatkan risiko pendarahan.

Cara menggunakan Panaflex Pain Relief Patch

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan topical sahaja. Bagi orang dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke atas: Gunakan pada bahagian badan yang sakit untuk 3 atau 4 kali sehari. Gunakan hanya satu ubat tampalan pada satu-satu masa. (Dos maksimum: 4 ubat tampalan dalam sehari).

Arahan penggunaan:

Peluh dan kotoran boleh mengurangkan kelekatan ubat tampalan ini. Bersihkan dan keringkan kulit kawasan sakit untuk meningkatkan kelekatan ubat tampalan.

1. Buka kantung dan keluarkan satu ubat tampalan. Tanggalkan lapisan pelapik.
2. Letakkan sebelah ubat tampalan yang melekit pada bahagian yang sakit.

3. Pelekat tambahan adalah sedia dipotong kepada 6 kepingan kecil.

4. Tanggalkan 2 kepingan pelekat tambahan dan lekatkan pada hujung tampalan ubat untuk mengelakkannya daripada bergerak.

Basuh tangan selepas guna.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh maksimum penggunaan tanpa nasihat perubatan: 7 hari.

Sekiranya rasa sakit tidak bertambah baik dalam masa 7 hari sejak produk ini mula digunakan, atau jika rasa sakit bertambah teruk, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa satu dos, gunakan ubat tampalan ini sebaik sahaja anda ingat. Jangan menggunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Hentikan penggunaan dan segera berjumpa doktor atau ahli farmasi, ataupun pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda menggunakan ubat lebih daripada yang sepatutnya. Gejala terlebih dos termasuklah:

- sakit perut yang teruk,
- loya,
- muntah,
- berpeluh,
- *tinnitus* (bunyi deringan berterusan dalam telinga)
- *vertigo* (rasa tidak seimbang dan seolah-olah persekitaran berputaran),
- pekak,
- pening,
- kesukaran mengawal pergerakan anggota badan (*ataxia*) seperti makan, menulis atau menanggalkan butang baju,
- sakit kepala,
- kekeliruan,
- mengantuk,

- koma.

Terlebih dos akibat camphor boleh berkait dengan:

- rasa mulut-hidung terbakar,
- kekejangan otot,
- kemurungan sistem saraf pusat
- sawan epileptiform.

Jumlah vitamin E yang agak besar biasanya tidak mendatangkan kesan mudarat tetapi kadangkala kelemahan otot, keletihan, loya dan cirit-birit berlaku.

Untuk melaporkan kes terlebih dos, anda boleh menghubungi Pusat Racun Nasional (Tel: 04-6570099; laman web: <http://www.prn.usm.my/>; e-mel: prnnet@usm.my).

Semasa menggunakan Panaflex Pain Relief Patch

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ubat tampalan ini hanya boleh ditampal pada bahagian kulit yang utuh dan tidak berpenyakit dan bukan pada kulit yang mempunyai kecederaan.
- Jauhkan dari capaian kanak-kanak.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Produk ini tidak boleh bersentuhan dengan mata, lubang hidung, mulut, bahagian dalaman badan yang lain. Bilas dengan air sekiranya terkena.
- Jangan gunakan ubat tampalan bersama haba tambahan/luaran seperti pad pemanas.
- Elakkan hidung bayi atau kanak-kanak daripada bersentuhan atau berdekatan dengan produk ini kerana ubat tampalan ini mengandungi camphor. Pendedahan camphor kepada bayi atau kanak-kanak walaupun dalam kandungan yang sedikit boleh menyebabkan bayi atau kanak-kanak pengsan dengan segera.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sesetengah orang mungkin mengalami ketidakselesaan, terutamanya jika mereka mempunyai kulit sensitif atau jika ubat tampalan ini digunakan selepas mandi.
- Hentikan penggunaan ubat tampalan ini jika mendapati kerengsaan kulit selepas menggunakan ubat tampalan ini.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Panaflex Pain Relief Patch boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan yang pernah dilaporkan adalah: Hipersensitiviti, reaksi, sensasi terbakar pada kulit, ruam dan pruritus di sekitar permukaan ubat tampalan digunakan. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Panaflex Pain Relief Patch

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ubat tampalan (plaster) bersegi empat tepat yang berwarna putih dan mempunyai bau menthol.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Glycol Salicylate
L-Menthol
DL-Camphor
DL- α -Tocopherol Acetate

- Bahan tidak aktif
Glycerin
Tartaric acid
Sorbitol solution
Kaolin
Titanium dioxide
Purified water
Sodium polyacrylate
Silicon dioxide
Polyvinylpyrrolidone
Polysorbate 80
Sorbitan monooleate

Carboxymethylcellulose sodium
Sodium polyacrylate starch
PVA solution

- Nombor MAL

MAL09032037XR

Pengilang

Teh Seng Pharmaceutical Mfg. Co., Ltd.
Secondary Factory No. 42-1,
Huan Gong Road, Yong Kang District,
Tainan City, Taiwan, R.O.C

Pemegang Pendaftaran Produk

Haleon Malaysia Sdn. Bhd. Lot 89, Jalan
Enggang, Ampang/ Hulu Kelang
Industrial Estate, 68000 Ampang,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/06/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)221025/966